

**INOVASI TheEzyHonda Webs MENJADI PEMANGKIN
TEKNOLOGI BAHARU DALAM PERNIAGAAN DI TIAN SIANG
HONDA BP CAWANGAN PERAK**

MUHAMMAD AZIM SAFWAN B AHMAD SUANDI

(10DPM19F2057)

NUR KAMALIAA BT MOHAMMAD JAMIL

(10DPM19F2019)

NURUL JANNAH BT AMIN RASHID

(10DPM19F2021)

AUNI SAHIRA BT JAMALUDDIN

(10DPM19F2035)

KASTURI A/P DAGARAJAN

(10DPM19F2039)

Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai

memenuhi syarat penganugerahan

Diploma Pengajian Perniagaan

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2021/2022

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK
KAJIAN INOVASI TheEzyHonda Webs MENJADI PEMANGKIN
TEKNOLOGI BAHARU DALAM PERNIAGAAN DI TIAN SIANG
HONDA BP CAWANGAN PERAK

1. Kami , **MUHAMMAD AZIM SAFWAN BIN AHMAD SUANDI (011006-10-0939)**, **NUR KAMALIAA BINTI MOHAMMAD JAMIL (011115-02-0030)**, **NURUL JANNAH BINTI AMIN RASHID (010424-14-0066)**, **AUNI SAHIRA BINTI JAMALUDDIN (010502-07-0324)**, **KASTURI A/P DAGARAJAN (010204-07-082)** adalah pelajar **Diploma Pengajian Perniagaan**, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di **Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang**.
2. Kami mengakui bahawa Projek kajian Inovasi TheEzyHonda Webs menjadi pemangkin teknologi baharu dalam perniagaan di Tian Siang Honda BP Cawangan Perak dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya dan hasil reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana - mana harta intelek daripada pihak - pihak yang lain.
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek kajian Inovasi TheEzyHonda Webs menjadi pemangkin teknologi baharu dalam perniagaan di Tian Siang Honda BP Cawangan Perak kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan **Diploma Pengajian Perniagaan** kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar - benarnya diakui oleh yang tersebut :

MUHAMMAD AZIM SAFWAN
BIN AHMAD SUANDI
(No. Kad Pengenalan : 011006-10-0939) (MUHAMMAD AZIM)

NUR KAMALIAA BINTI
MOHAMMAD JAMIL
(No. Kad Pengenalan : 011115-02-0030) (NUR KAMALIAA)

NURUL JANNAH BINTI
AMIN RASHID
(No. Kad Pengenalan : 010424-14-0066) (NURUL JANNAH)

AUNI SAHIRA BINTI
JAMALUDDIN
(No. Kad Pengenalan : 010502-07-0324) (AUNI SAHIRA)

KASTURI A/P DAGARAJAN
(No. Kad Pengenalan : 010204-07-0828) (KASTURI)

Di hadapan kami, PUAN NORADILLA BT OSMAN
(No. Kad Pengenalan : 870317-02-6022) (PN. NORADILLA)
sebagai penyelia projek kajian ini.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB 50163 BUSINESS PROJECT yang bertajuk **Inovasi TheEzyHonda Webs menjadi pemangkin teknologi baharu dalam perniagaan di Tian Siang Honda cawangan Perak.**

Penghargaan ini diberikan bertujuan untuk menghargai sumbangan dan bantuan daripada pihak yang terlibat. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah kursus DPB 50163 Business Project iaitu **DR NOR HARTIZAL BT AMARUL SHAH** dan juga penyelia projek iaitu **PUAN NORADILLA BT OSMAN** yang banyak memberi tunjuk ajar dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB 50163 Business Project, **Inovasi TheEzyHonda Webs menjadi pemangkin teknologi baharu dalam perniagaan di Tian Siang Honda cawangan Perak.**

ABSTRAK

TUJUAN KAJIAN

Tian Siang Honda BP di Perak menawarkan servis mengetuk dan mengecat kenderaan. Ianya merupakan pusat servis yang diiktiraf oleh syarikat Honda dan merupakan antara pusat servis kereta Honda paling sibuk di daerah Manjung. Oleh kerana terlalu banyak kenderaan yang perlu dibaiki oleh pekerja di Tian Siang Honda BP, maka stok alat ganti kenderaan yang terdapat di Tian Siang Honda BP semakin berkurangan. Jadi, pekerja di Tian Siang Honda BP perlu membuat pesanan baharu setiap kali kenderaan perlu dibaiki. Disebabkan berlakunya pandemic Covid-19 di Malaysia, kadar pekerja di syarikat Honda perlu dikurangkan dan ini telah menyebabkan berlakunya penghantaran stok alat ganti menjadi lambat. Selain kekurangan pekerja ,sistem yang digunakan untuk merekod alat ganti di syarikat Honda juga tidak berjalan dengan lancar untuk merekod status alat ganti kenderaan yang keluar dan masuk.

SENARAI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|--------------------------------------|-------------------|
| PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR..... | 2 |
| PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR..... | 3 |
| PENGHARGAAN..... | 4 |
| TUJUAN KAJIAN..... | 5 |

BAB 1 : PENGENALAN

| | |
|------------------------------------------|--------------|
| 1.1 Pendahuluan..... | 8 |
| 1.2 Latar belakang kajian..... | 9 |
| 1.3 Pernyataan masalah..... | 10 |
| 1.4 Objektif kajian..... | 11 |
| 1.5 Justifikasi kajian..... | 12 |
| 1.6 Skop kajian..... | 12 |
| 1.7 Kepentingan projek..... | 13 |
| 1.8 Perbincangan analisis keperluan..... | 13-15 |
| 1.9 Rumusan..... | 15 |

BAB 2 : KAJIAN LAPANGAN

| | |
|--------------------------------------------|--------------|
| 2.1 Pendahuluan..... | 16 |
| 2.2 Kajian terdahulu/ulasan/siasatan..... | 16-17 |
| 2.2.1 Keperluan laman web..... | 19 |
| 2.2.2 Keberkesanan laman web..... | 20-21 |
| 2.2.3 Pengurusan stok melalui website..... | 21 |

BAB 3 : METODOLOGI / REKA BENTUK

| | |
|------------------------------------------------------|-------|
| 3.1 Pendahuluan..... | 22 |
| 3.2 Kaedah Analisis Data..... | 22 |
| 3.3 Reka Bentuk Projek..... | 22-23 |
| 3.3.1 Kaedah/prosedur/teknik penghasilan projek..... | 24-35 |
| 3.4 Impak Projek..... | 36-37 |

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

| | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 4.1 Pendahuluan..... | 38 |
| 4.2 Dapatan kajian..... | 38-39 |
| 4.3 Perbincangan (kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan projek)..... | 40 |
| 4.4 Kos yang terlibat..... | 40-41 |
| 4.5 Rumusan..... | 41 |

BAB 5 : KESIMPULAN

| | |
|--------------------------|-------|
| 5.1 Pendahuluan..... | 42 |
| 5.2 Kesimpulan..... | 42 |
| 5.3 Cadangan..... | 43 |
| 5.4 Limitasi projek..... | 43 |
| 5.5 Rumusan..... | 44 |
| Rujukan..... | 44 |
| Lampiran..... | 45-46 |

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian dan skop kajian.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di Tian Siang Honda BP Perak. Syarikat ini adalah syarikat yang menjalankan perniagaan di kawasan Manjung , Perak. Jenis perniagaan adalah syarikat awam . Walaubagaimanapun , kajian ini tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh syarikat Tian Siang Honda BP , Perak.

Selain itu , kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian mengenai masalah syarikat dan mencari penyelesaiannya. Antara masalah yang dihadapi adalah pelanggan perlu menunggu penerimaan stok dari gudang utama dalam tempoh masa yang lama disebabkan oleh kekurangan pekerja di gudang utama yang berada di Kuala Lumpur dan Selangor. Hal ini bertujuan untuk mempercepatkan proses penerimaan stok alat ganti kenderaan yang baharu dari gudang utama supaya pelanggan tidak perlu menunggu dalam tempoh masa yang lama untuk membuat servis kenderaan. Syarikat ini beroperasi sebagai sebuah syarikat yang membuat servis mengetuk dan mengecat kenderaan Honda.

Justeru, syarikat ini mempunyai masalah yang dapat kami kaji ialah masalah penerimaan alat ganti kenderaan yang lewat dari gudang utama iaitu dari Kuala Lumpur dan Selangor untuk dihantar ke Tian Siang Honda BP di Manjung, Perak. Oleh sebab itu , kami bercadang untuk mencipta sebuah laman web yang dinamakan TheEzyHonda Web untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh perniagaan tersebut dengan idea-idea yang inovasi dan kreatif .

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Melalui kajian yang telah dilakukan , perniagaan yang dipilih adalah perniagaan Tian Siang Honda BP yang bertempat di Jalan Kuala Kangsar Ipoh, Perak. Perniagaan utama syarikat ini adalah servis mengetuk dan mengecat kenderaan. Perniagaan syarikat ini beroperasi selama 14 tahun. Perniagaan ini jenis syarikat awam. Seterusnya, perniagaan ini beroperasi dari 8:30 pagi – 5:30 petang .Walaubagaimanapun , syarikat ini telah lama beroperasi dan ia telah dikenali oleh pengguna Honda yang ingin membuat servis mengetuk dan mengecat kenderaan di kawasan tersebut.



Rajah 1.1 Syarikat Tian Siang Honda BP Manjung, Perak.



Rajah 1.2 Tempat servis kereta di Tian Siang Honda BP Manjung, Perak.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Hasil daripada kajian kami , terdapat beberapa masalah yang dialami oleh syarikat Tian Siang Honda BP Perak. Masalah utama mereka adalah pelanggan perlu menunggu penerimaan stok alat ganti kenderaan yang baharu dari gudang utama dalam tempoh masa yang lam disebabkan kekurangan pekerja di gudang utama yang terletak di Kuala Lumpur dan Selangor. Syarikat ada juga mengambil penekanan ini dengan mengurangkan jumlah pekerja selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) iaitu sebanyak 80% bekerja di tempat kerja manakala lebih 20% bekerja di rumah (MKN, 2021). Pihak syarikat perlu memaklumkan status jumlah pekerja yang bekerja dari tempat kerja dan pekerja yang bekerja dari rumah di platform khas yang telah disediakan oleh pihak Honda Malaysia. Seterusnya adalah masalah penerimaan alat ganti kenderaan yang lewat dari gudang utama iaitu dari Kuala Lumpur dan Selangor untuk dihantar ke Tian Siang Honda BP di Manjung, Perak. Maka pihak syarikat meminta kami untuk mencipta sebuah produk yang dapat menyelesaikan masalah dihadapi .

Maka dengan itu , kami bercadang untuk mencipta sebuah laman web yang dinamakan TheEzyHonda Webs dimana laman web berkenaan mengandungi status barangan alat ganti kenderaan yang terdapat di gudang utama iaitu di Kuala Lumpur dan Selangor. Laman web ini dapat di akses oleh pekerja yang bekerja di syarikat Tian Siang Honda BP agar dapat mengetahui ketersediaan stok alat ganti kenderaan di gudang utama.

1.4 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini dijalankan untuk :

- i. Mengenalpasti TheEzyHonda Webs dapat membantu pengusaha Honda Perak memesan stok alat ganti baharu dengan cepat.
- ii. Mengenalpasti TheEzyHonda Webs dapat membantu gudang utama Honda KL menerima tempahan alat ganti dengan pantas.
- iii. Mengenalpasti TheEzyhonda Webs dapat merekod jumlah alat ganti yang diperlukan.

1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

Pihak pengkaji ingin mencipta sebuah laman web yang diinovasikan iaitu TheEzyHonda Webs. Konsep laman web ini dicipta untuk memudahkan para pekerja di Tian Siang Honda BP Perak untuk menerima makluman tentang barang alat ganti yang sedia ada dan perlu ditempah pada masa yang ditetapkan. Selain itu, laman web ini dapat meningkatkan sistem pengurusan di mana pihak Tian Siang Honda BP Perak boleh melihat ketersediaan barang di gudang utama Kuala Lumpur dan Selangor. Akhir sekali, laman web ini juga memudahkan para pekerja di Tian Siang Honda BP Perak untuk memaklumkan kepada pelanggan tentang waktu untuk barang alat ganti kenderaan mereka sampai dan ianya akan ditukar dengan secepat mungkin.

Syarikat Tian Siang Honda BP ini bertempat di Manjung, Perak dipilih dalam kajian ini kerana syarikat ini adalah satu - satunya syarikat Honda yang memberi servis mengetuk dan mengecat kenderaan Honda di Perak.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini memfokuskan kepada masalah kelewatan dalam penerimaan stok alat ganti kenderaan baharu yang dihadapi oleh syarikat Tian Siang Honda BP di Ipoh , Perak. Oleh itu, produk kami iaitu TheEzyHonda Webs digunakan bagi menyelesaikan masalah kelewatan penerimaan stok alat ganti baharu yang dihadapi syarikat Tian Siang Honda BP Perak .

1.7 KEPENTINGAN PROJEK

Sesebuah projek yang dijalankan semestinya mempunyai faedah dan kepentingan yang tersendiri. Memandangkan syarikat Tian Siang Honda BP mempunyai masalah penerimaan alat ganti kenderaan yang lewat, maka sebuah laman web yang bernama TheEzyHonda Webs dicipta bagi memudahkan pekerja - pekerja di syarikat Tian Siang Honda BP cawangan Perak dan juga gudang utama Honda Kuala Lumpur.

Antara kepentingan bagi projek ini adalah memastikan penggunaan TheEzyHonda Webs berkesan untuk membantu Syarikat Tian Siang Honda BP cawangan Perak mengetahui ketersediaan status alat ganti yang mereka perlukan. Hal ini kerana, TheEzyHonda Webs akan memudahkan para pekerja Tian Siang Honda BP untuk menyelesaikan masalah kelewatan alat ganti tiba dari gudang utama Kuala Lumpur.

Selain itu, TheEzyHonda Webs juga dijadikan satu teknologi baharu yang bakal membangun di Syarikat Tian Sian Honda BP Manjung Perak. Hal ini menunjukkan bahawakemajuan teknologi membolehkan capaian data dan pengurusan para pekerja di Syarikat Tian Siang Honda BP Perak menjadi lebih efisien dan peluang untuk berlakunya kesilapan dalam pengumpulan data adalah tipis.

1.8 PERBINCANGAN ANALISIS KEPERLUAN

Melalui analisis keperluan, kami mendapati 100% pekerja Tian Siang Honda BP Perak telah bersetuju untuk mewujudkan kaedah yang baharu dalam memesan alat ganti kenderaan yang baharu. Jadi dengan persetujuan dari pihak Tian Siang Honda BP Perak, kami mula mewujudkan kaedah yang baharu yang diberi nama TheEzyHonda Webs. Kaedah ini bakal dibina dengan mempunyai ciri-ciri teknologi yang dapat memudahkan pengurus Tian Siang Honda BP untuk memesan alat ganti kenderaan yang baharu.

Jadual 1.8.1 menunjukkan Analisis Keperluan Produk TheEzyHonda Webs

| Nama pekerja | Nama produk yang digunakan sekarang | Ciri produk yang digunakan sekarang | Mengapa produk digunakan | Kebaikan produk sedia ada | Kelemahan produk sedia ada | Penambahbaikan |
|----------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|----------------------------------------------|---------------------------|-----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|
| Athirah Safea (28) | Cromax | Water base & solvent base | High quality and low price | Fast dry and good quality | Need to order in bulk quantity because high delivery cost | Make new way to order car spare part. |
| Nur Zulaikha (30) | Cromax | Water base | Tahan lama | Senang diguna pakai | Harga yang agak mahal | Kaedah yang lebih mudah digunakan |
| Sutha Sri (35) | Cromax | Banyak maklumat stock yang cukup | Sebab produk ini sahaja yang company gunakan | Senang guna | Lambat respond | Perlu sediakan satu sistem yang lebih berkesan |
| Azuanorazam (30) | Cromax | Kalis air | murah | Kualiti yang bagus | Harga delivery tinggi | Perlu update sistem yang lebih canggih |
| Nor Azfar Hanif (48) | Cromax | Solvent base | Mudah digunakan | Kualiti yang bagus | Sistem yang teratur | Perlu menambah senarai barang dalam produk tersebut |
| Nazrin (29) | Cromax | Water base | Easy to handle | Good quality | High delivery cost | Memperbaiki sistem yang sedia ada supaya lebih teratur |
| Maxwell (26) | Cromax | Solvent base | Kualiti tinggi dan harga berbaloi | Kualiti yang bagus | Lambat respon | Kaedah mnempah barang yang baharu |

Melalui analisis keperluan ini, kami mendapat kepastian bahawa pihak Tian Siang Honda BP Perak bersetuju untuk mewujudkan satu produk yang baharu menggantikan produk yang lama dalam memesan alat ganti kenderaan. Produk baharu ini diberi nama TheEzyHonda Webs. Produk baharu ini mempunyai ciri-ciri teknologi yang diperlukan. Contohnya, Pekerja tidak perlu bersusah payah lagi untuk mencari senarai alat ganti yang diperlukan untuk memesan alat ganti tersebut. Kami akan memasukkan senarai penuh alat ganti ke dalam TheEzyHonda Webs. Selain itu, produk ini juga dapat memudahkan pekerja Tian Siang Honda BP Perak dalam memesan alat ganti kenderaan yang baharu.

1.9 RUMUSAN

Akhir sekali , kajian projek ini dilakukan dalam untuk memperkenalkan produk kami TheEzyHonda Webs ini kepada syarikat Tian Siang Honda BP serta membantu proses penerimaan stok alat ganti kenderaan yang baharu. Selain itu , pihak syaikat Tian Siang Honda BP dapat mengetahui status ketersediaan barang stok alat ganti kenderaan dari gudang utama di Kuala Lumpur dan Selangor.

BAB 2 : KAJIAN LAPANGAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini meninjau keperluan pembangunan laman web kepada peniagaan samada pada perniagaan yang baru dimulakan ataupun perniagaan yang telah lama menapak. Pembangunan laman web ini adalah berdasarkan kepada keperluan peniagaan yang dikaji serta keperluan pembeli. Keberkesanan laman web juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

2.2 KAJIAN TERDAHULU/ULASAN/SIASATAN

2.2.1 KEGUNAAN LAMAN WEB KEPADA SYARIKAT HONDA

Menurut Arwansyah Kirin, Hafizuddin Sutimin, Tang Yung Pong, Liew Ai Poh dan Siti Marpuah (2021) penggunaan laman web adalah penting dalam bersaing dengan peniaga lain. Pengkaji telah membuat kajian dengan menggunakan 7 orang respondan untuk mengenalpasti keperluan laman web perniagaan ini. Hasil dapatan menunjukkan kesemua respondan bersetuju bahawa laman web perniagaan amat penting untuk bermula secara profesional dan dapat berdaya saing dengan menggunakan teknologi terkini.

Menurut Faradillah Iqmar Omar, Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan, Nor Azlili Hassan dan Izzurazlia Ibrahim (2020) kemudahan teknologi internet membolehkan pelbagai kaedah pemasaran dilakukan secara digital. Kajian ini bertujuan untuk meninjau fenomena media digital yang dilihat semakin berkuasa sebagai agent saluran maklumat dan pemasaran seterusnya menguji kesan penggunaannya terhadap prestasi perniagaan. Pengkaji juga membuat kajian bahawa dengan adanya kemudahan internet, pelbagai kerja yang dilakukan secara atas talian menjadi lebih mudah dan berkesan.

Menurut Ahlam Binti Abdul Aziz (2016) Perkembangan teknologi dalam organisasi telah memberi pelbagai kesan terhadap organisasi. Sehingga kini, penggunaan teknologi dalam organisasi bukan sekadar memudahkan interaksi antara sesama kakitangan dalam organisasi, malahan telah diperkemaskan sebagai perantara dalam menyampaikan maklumat di samping membantu melancarkan lagi tugas dalam organisasi. Pengkaji mendapati bahawa dengan adanya laman web ini akan dapat membantu pekerja Tian Siang Honda BP dalam melakukan pekerjaan dengan lebih mudah.

Seterusnya , menurut Betty Ngu Cheh Ing (2002) Kebanyakan laman web di Malaysia adalah bertujuan untuk pengiklanan dan sebilangan sahaja yang ada menggunakan kemudahan laman web untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan. Walaubagaimanapun, tidak semua jenis produk dan perkhidmatan dapat dibeli terus dalam talian (online), sesetengah perniagaan melalui laman web hanya bertujuan untuk pengiklanan sahaja dan tidak menyediakan kemudahan membeli terus dalam talian. Terdapat jenis - jenis produk dan perkhidmatan yang biasa berurusniaga melalui talian di laman laman web Malaysia sama ada ‘high touch’ dan ‘low touch’ produk .‘High touch’ produk adalah seperti peralatan elektronik, automobil, barang kemas dan jam tangan. Manakala bagi produk ‘low touch’ dikategorikan seperti buku, bunga , perkakasan komputer, hadiah dan alat permainan

Pembinaan laman web akan sentiasa mewujudkan aktiviti pemasaran dan penjualan ke seluruh dunia sepanjang masa selama 24jam setiap hari. Laman web yang dibina juga dapat memberi penambahan nilai yang lebih baik berbanding teknik komunikasi yang lain kerana ini dapat menyampaikan maklumat dalam pelbagai format seperti teks, bunyi, grafik, imej, dan animasi. Namun laman web yang dibina perlu diketahui serta dapat menarik perhatian pelayar internet Kremer (1998).

2.2.2 KEBERKESANAN LAMAN WEB

Laman web menawarkan skop yang lebih baik untuk tujuan perhubungan awam, iaitu dalam membangunkan dan menguruskan aliran maklumat sesebuah organisasi dan publiknya Grunig & Hunt (1984). Internet boleh mengubah sifat perhubungan awam kerana sesebuah laman web itu sendiri bertindak sebagai alat perhubungan awam yang merupakan sesuatu amat penting dalam semua aktiviti pemasaran. Kewujudan laman web dapat meningkatkan imej serta penampilan sesebuah organisasi. Ini kerana dengan adanya laman web, penerbit lebih mudah dikenali dan diketahui kewujudannya oleh orang ramai.

Dengan paparan halaman yang menarik serta pengisian maklumat yang lengkap, imej penerbit dapat dibina dengan lebih cepat berbanding menerusi kaedah konvensional. Ia juga menawarkan cara baharu untuk mewujudkan perhubungan yang erat dengan pelanggan Sterne (1996). Ini kerana menjawab soalan soalan pelanggan, menyelesaikan masalah serta menyampaikan maklumat semasa, kini boleh dilakukan terus melalui web. Ini membolehkan kos perkhidmatan pelanggan dikurangkan dan kepuasan pelanggan dapat ditingkatkan .

Disamping itu, laman web juga menjadi saluran penjualan dimana ia membolehkan syarikat - syarikat kecil memasuki pasaran luar. Satu perbezaan yang jelas antara strategi pemasaran tradisional dengan strategi pemasaran melalui internet. Internet ialah keperluan kepada strategi penuaian secara langsung kepada konsumen. Ini bukan sahaja melibatkan kerja - kerja penghantaran, malah melibatkan pemprosesan pesanan secara elektronik Rowley (1995).

Seterusnya, promosi dilihat sebagai satu bentuk komunikasi yang khusus bersifat pembujukan. Ada juga yang melihatnya sebagai cara untuk memotivasi konsumen untuk bertindak balas. Disini jelas bahawa promosi bertujuan untuk merangsang permintaan terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan. Malah bagi Yesil (1997), Internet merupakan medium baharu promosi, terutama pengiklanan yang terbaik selepas kehadiran televisyen dan terdapat perbezaan yang besar antara pengiklanan tradisional dan internet. Periklanan tradisional merupakan aktiviti pasif yang membolehkan orang ramai menerima mesej tanpa mencarinya. Namun internet adalah segala - galanya kecuali pasif Yasil (1997). Tiada apa apa yang berlaku didepan skrin pengunjung sehingga tetikus diklik.

Proses pencarian, penghantaran dan penerimaan maklumat dapat dilakukan dengan sangat pantas. Sebagai contoh, Zainuddin (2001) menyatakan bahawa tidak ada perkhidmatan pos lain yang dapat menandingi kelajuan penghantaran emel. Selain daripada pantas, ia juga murah dan mudah digunakan. Dengan itu kewujudan teknologi-teknologi ini telah banyak memberikan faedah kepada kehidupan harian manusia sejagat.

2.2.3 PENGURUSAN STOCK MELALUI WEBSITE

Hubungan dengan pelanggan juga dapat dilakukan dengan mudah dan berkesan. Oleh itu, faktor ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya untuk terus berada dalam pasaran yang kompetitif. Walaupun perkara ini tidak begitu dihiraukan dalam pertimbangan ekonomi dan pengurusan tradisional, teknologi tidak lagi diambil mudah dan semakin diambil kira dalam polisi ekonomi dan pasaran Capon & Glazer (1987).

Bagi Kremer (1998), perkara penting yang perlu ditekanan apabila ingin memasarkan atau menjual buku menerusi Internet ialah pembinaan laman web. Laman web ini dibina bukan hanya untuk tujuan promosi dan komunikasi pemasaran, malah boleh juga digunakan untuk tujuan penjualan. Dengan ini, laman web itu juga berfungsi sebagai kedai siber atau kedai buku dalam talian. Ini juga bermakna tumpuan bukan lagi berdasarkan produk semata-mata, tetapi juga melibatkan perkhidmatan.

Seterusnya, pembinaan laman web akan sentiasa mewujudkan aktiviti pemasaran dan penjualan ke seluruh dunia sepanjang masa selama 24 jam setiap hari. Laman web yang dibina juga dapat memberi penambahan nilai yang lebih baik berbanding teknik komunikasi yang lain kerana ini dapat menyampaikan maklumat dalam pelbagai format seperti teks, bunyi, grafik, imej, dan animasi. Namun, laman web yang dibina perlu diketahui serta dapat menaik perhatian pelayar Internet. Jika kewujudan laman web yang dibina tidak diketahui, pemasaran buku di ruang siber atau Internet sukar dilakukan Kremer (1998).

Di samping itu, pemasaran buku menerusi laman web memberi impak yang besar kepada dunia perbukuan. Menurut beberapa kajian lepas, sehingga kini terdapat lebih daripada 100 laman web penerbit dan pengedar buku dari seluruh dunia dapat dilayari di Internet. Kajian yang dijalankan oleh Diebold (1999) terhadap 200 penerbit di Eropah mendapati 85 peratus daripada produk yang diterbitkan dapat dicari menerusi Internet. Daripada jumlah itu, 56 peratus penerbit melakukan jualan terus dari laman web masing-masing manakala 27 peratus daripadanya melakukan penjualan di kedai-kedai buku tempatan atau kedai buku dalam talian yang besar.

Ia juga membolehkan syarikat-syarikat kecil memasuki pasaran luar. Di samping itu, satu perbezaan yang jelas antara strategi pemasaran tradisional dengan strategi pemasaran melalui Internet ialah keperluan kepada strategi penunaian secara langsung kepada konsumen. Ini bukan sahaja melibatkan kerja-kerja penghantaran, malah melibatkan pemprosesan pesanan secara elektronik Rowley (1995).

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, ban ini membincangkan tentang kajian lepas mengenai keperluan laman web, keberkesanan laman web dan pengurusan stok melalui website. Dengan wujudnya sistem TheEzyHonda Webs, ia dapat memudahkan pekerja Tian Siang Honda BP dalam menguruskan stok alat ganti.

BAB 3 : METODOLOGI/REKA BENTUK

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian ini. Kajian ini akan menerangkan tentang reka bentuk projek, bahan dan peralatan, kaedah analisis data, dan impak produk. Produk yang dihasilkan kemudian dikaji penggunaanya dengan melakukan analisis berikut.

3.2 REKA BENTUK PROJEK

3.3.1 KAE DAH PENGHASILAN PROJEK

Permasalahan yang timbul dalam pengendalian stok alat ganti kenderaan di Tian Siang Honda BP Perak menyebabkan tercetusnya idea untuk membangunkan sistem pengurusan alat ganti kenderaan yang diberi nama TheEzyHonda Webs. Permasalah ini berlaku apabila stok alat ganti kenderaan tiba lewat dari masa yang ditetapkan. Antara punca kelewatan stok alat ganti kenderaan ialah proses memesan stok alat ganti kenderaan kurang berkesan dan mempunyai beberapa kelemahan seperti tidak dapat mengetahui status bilangan alat ganti, perlu memesan dalam kuantiti yang banyak dan sebagainya.

Melalui analisis keperluan didapati 100 peratus responden bersetuju dengan penggunaan TheEzyHonda Webs. Sistem ini menyediakan platform untuk memesan alat ganti kenderaan yang baharu dari gudang utama Kuala Lumpur. Sistem ini dapat memudahkan pekerja Tian Siang Honda BP dalam memesan stok alat ganti baharu yang diperlukan. TheEzyHonda Webs juga dapat menjimatkan masa pekerja.

Sistem pengurusan stok amatlah penting pada sesebuah organisasi. Sistem pengurusan stok dapat menguruskan stok dengan teratur dan teliti. Justeru, pihak pengkaji telah membangunkan satu sistem pengurusan stok yang dinamakan TheEzyHonda Webs. Pembangunan sistem ini adalah untuk memudahkan pekerja Tian Siang Honda BP Perak dalam menguruskan stok alat ganti kenderaan yang mereka perlukan dan gunakan setiap hari. Ia juga bertujuan untuk menguruskan stok alat ganti kenderaan di Tian Siang Honda BP Perak dengan lebih teratur dan berkesan. Di samping itu, projek ini dapat menjimatkan kos, tenaga, dan masa pengguna. Dengan itu, sesuai dengan peredaran masa, Laman web menawarkan skop yang lebih baik untuk tujuan perhubungan awam, iaitu dalam membangunkan dan menguruskan aliran maklumat sesebuah organisasi dan publiknya Grunig & Hunt (1984). Carta alir projek TheEzyHonda Webs seperti dibawah.

3.3 Kaedah Analisis Data

A) Analisis Keperluan

Melalui analisis keperluan, kami mendapati 100% pekerja Tian Siang Honda BP bersetuju untuk mewujudkan kaedah yang baru dalam memesan alat ganti baharu dari gudang utama .Jadi, dengan persetujuan dari pihak Tian Siang Honda BP kami mula mencipta satu produk khas yang iaitu TheEzyHonda Webs. Seterusnya, TheEzyHonda Webs mempunyai ciri ciri berteknologi yang dapat memudahkan pekerja di Tian Siang Honda BP untuk memesan alat ganti kenderaan.

Jadual 3.1 menunjukkan Analisis Keperluan TheEzyHonda Webs

| Nama pekerja | Tempoh masa yang diambil untuk menerima stok alat ganti | Kepuasan pelanggan terhadap layanan yang diberikan | Masalah yang dihadapi | Cara untuk mengetahui status penghantaran stok | Jangka masa untuk stok alat ganti dari gudang utama |
|--------------------|---------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|
| Athirah Safea (28) | Lebih dari seminggu | Memuaskan | -Kelewatan dalam penghantaran stok -Tidak mempunyai lama web khas untuk merekod status stok alat ganti | Melalui email | Setiap hari |
| Nur Zulaikha (30) | 1 seminggu | Memuaskan | Tidak mempunyai lama web khas untuk merekod status stok alat ganti | Melalui email | Selepas 3 minggu |
| Sutha Sri (35) | Lebih dari seminggu | Sangat memuaskan | -Kelewatan dalam penghantaran stok alat ganti -Kekurangan pekerja -Tidak mempunyai laman web khas untuk merekod | Melalui email | Setiap hari |

| | | | status stok alat ganti | | |
|-------------------------|-------------------------|------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|----------------|
| Azuanor azam (30) | Lebih daripada seminggu | Memuaskan | Tidak mempunyai lama web khas umtuk merekod status stok alat ganti | Melalui email | Setiap hari |
| Nor Azfar Hanif (48) | Lebih daripada seminggu | Memuaskan | -Kelewatan dalam penghanatran stok alat ganti -Tidak mempunyai lama web khas umtuk merekod status stok alat ganti | Melalui email | Setiap hari |
| Nazrin (29) | Lebih daripada seminggu | Sangat Memuaskan | Kekurangan pekerja | Melalui email | Setiap 4-6 jam |
| Maxwell (26) | 1 minggu | Memuaskan | Tidak mempunyai lama web khas umtuk merekod status stok alat ganti | Melalui email | Setiap 4-6 jam |

Melalui analisis keperluan ini, kami mendapat kepastian bahawa pihak Tian Siang Honda BP bersetuju dengan produk yang kami cipta iaitu TheEzyHonda Webs untuk menggantikan produk yang lama dalam memesan stok alat ganti kenderaan yang baharu. Produk ini mempunyai ciri ciri berteknologi yang boleh mempercepatkan proses pemesanan alat ganti kenderaan serta memudahkan pekerja.

B) Analisis Kebolehgunaan Produk

